

# HYDROCORT CREAM

Hydrocortisone Acetate (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HYDROCORT CREAM
2. Bagaimana HYDROCORT CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan HYDROCORT CREAM
4. Cara menggunakan HYDROCORT CREAM
5. Semasa menggunakan HYDROCORT CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HYDROCORT CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan HYDROCORT CREAM

Untuk rawatan melegakan inflamasi dan kegatalan manifestasi masalah kulit yang bertindak balas terhadap kortikosteroid.

## Bagaimana HYDROCORT CREAM berfungsi

HYDROCORT CREAM mengandungi 1% w/w Hydrocortisone Acetate yang membantu mengekalkan kelembapan kulit lalu menyebabkan kulit dalam keadaan lembut. Hydrocortisone acetate adalah ejen glukokortikoid anti-radang yang berkesan dalam rawatan pelbagai jenis gangguan kulit.

## Sebelum menggunakan HYDROCORT CREAM

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh diguna oleh individu yang menunjukkan sensitiviti terhadap mana-mana bahan yang terdapat dalam produk ini.

Ianya kontraindikasi kepada jangkitan bakteria, virus dan penyakit kulat pada kulit dan jangkitan ekzema dan intertrigo sekunder.

### -Sebelum menggunakan HYDROCORT CREAM

Beritahu doktor jika anda ada mengambil ubat-ubatan yang lain.

Ia tidak boleh digunakan untuk permukaan leahan.

Penyerapan sistemik kortikosteroid topikal telah menghasilkan penindasan kelenjar adrenal berbalik, manifestasi sindrom

Cushing, kandungan gula dalam darah yang tinggi, kehadiran gula dalam air kencing pada sesetengah orang. Ini termasuk penggunaan steroid lebih kuat, yang digunakan di kawasan permukaan yang besar, penggunaan yang berpanjangan dan balutan secara oklusif.

### Mengandung dan menyusukan anak

Kortikosteroid topikal boleh digunakan semasa hamil hanya jika faedah potensi mewajarkan potensi risiko kepada janin. Langkah berhati-hati perlu diambil jika kortikosteroid topikal yang diberikan kepada wanita yang menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan HYDROCORT CREAM bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan HYDROCORT CREAM

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan kuantiti yang kecil pada permukaan kulit, 2 kali sehari.

### -Bila perlu digunakan

HYDROCORT CREAM perlu diguna mengikut frekuensi yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### -Berapa lama perlu digunakan

HYDROCORT CREAM perlu diguna mengikut nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda menyapu HYDROCORT CREAM secara kerap, sapukan dos yang terlupa dengan secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa menyapu ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa menyapu dos yang kedua, jangan menyapu dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada reaksi ketoksikan yang jelas berlaku jika digunakan untuk menyapu pada permukaan kulit. Minta bantuan perubatan

## Semasa menggunakan HYDROCORT CREAM

### -Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menyapu ubat ini atau mengubah pengambilan dos ubat tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan kenakan krim kepada mata. Hentikan penggunaan jika kerengsaan atau ruam berlaku. Langkah berjaga-jaga perlu diambil jika digunakan pada kanak-kanak. Pada bayi dan kanak-kanak, penggunaan jangka panjang harus dielakkan terutamanya pada bahagian muka. Tiada kajian yang menunjukkan penggunaan pada ibu mengandung dan ibu yang menyusukan bayi adalah selamat. Terapi sistemik atau tempatan boleh meningkatkan risiko jangkitan serius atau maut dalam individu yang terdedah kepada penyakit virus seperti cacar air atau campak.

## Kesan-kesan sampingan

Penggunaan topikal kortikosteroid secara balutan oklusif boleh menyebabkan kepedihan, iritasi, kegatalan, kering, hypopigmentasi, keradangan kulit sentuhan alergi, jangkitan sekunder, kulit menipis, tanda regangan dan ruam panas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan HYDROCORT CREAM

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan

### -Pelupusan

HYDROCORT CREAM perlu dilupuskan apabila doktor menyuruh anda berhenti menggunakan ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

Krim yang berwarna putih

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Hydrocortisone Acetate

-Bahan tidak aktif

Wax

Triethanolamine

Propyl Paraben

Xanthan Gum

Cetyl Alcohol

Stearic Acid

Purified Water

Methyl Paraben

Glyceryl Monostearate

Cellulose

Dimethylpolysiloxane

Butylated Hydroxyanisole

Propylene Glycol

Butylated Hydroxytoluene

Mineral Oil

Tween 80

-Nombor MAL

MAL19985962AZ

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor D.E., Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,

Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

18/02/2016

**Serial Number**

BPFK(R4/1)160216/00035